



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KETENTERAAN DALAM ISLAM

Tarikh Dibaca:

**3 SYAABAN 1444H/
24 FEBRUARI 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذِينَ كَمَا جَوَارِ إِسْلَامِ مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KETENTERAAN DALAM ISLAM
24 FEBRUARI 2023 / 3 SYAABAN 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

وَعَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ

إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تظَلَمُونَ ٦٠

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”.* **(Hadis riwayat Abu Daud)**

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Ketenteraan Dalam Islam”**.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Kita telah pun masuk ke Bulan Syaaban dan lebih kurang 25 hari sahaja lagi akan tibanya Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam berkembang ke seluruh pelusuk dunia hasil usaha dakwah yang tekun dan gigih Rasulullah SAW dan para sahabat serta pendakwah-pendakwah yang bertebaran ke serata dunia. Pengembangan Islam juga melalui pelbagai cara dan salah satunya ialah melalui ketenteraan atau peperangan demi mempertahankan negara. Hal ini bukan bermaksud bahawa Islam agama yang mengamalkan kekerasan atau peperangan tetapi ia menunjukkan *kesyumulan* Islam dalam segenap aspek pengurusan dan pentadbiran termasuk ketenteraan. Pembinaan dan pembangunan institusi ketenteraan dalam Islam bertujuan memenuhi keperluan bagi mempertahankan diri serta memperkukuh keselamatan umat dan negara dari terus diganggu gugat atau untuk membina kekuatan umat daripada diceroboh atau ditindas. Ia juga selaras dengan perintah Allah SWT yang memerintahkan persediaan menghadapi musuh sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Anfal ayat 60 yang dibacakan awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah

mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Struktur ketenteraan Islam berkembang sesuai dengan peredaran dan perkembangan kemajuan zaman. Sumbangan ketenteraan teramat besar ertinya terhadap agama, bangsa dan juga negara. Sirah mencatatkan bahawa hasil ketenteraan yang mantap pimpinan Rasulullah SAW dan para panglima Islam yang lain telah mendekatkan kita dengan Islam. Maka, dalam hal bersangkutan yang sangat penting juga, para tentera perlu mendekatkan diri kepada Allah SWT, melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dalam rangka membentuk jati diri muslim yang kukuh dan mantap sebagai petugas keselamatan dan ketenteraman negara. Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik dalam menguruskan ketenteraan dan pasukannya. Baginda amat menekankan pembinaan modal insan melalui kekuatan akhlak, sifat *istiqamah*, *tawadhu'*, pemaaf dan penyantun.

Secara umumnya, Islam memandang tinggi profesion ketenteraan bahkan meletakkan penghormatan yang sangat tinggi kepada mereka. Manakan tidak, orang-orang yang gugur di medan peperangan demi mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara dikalungkan sebagai *syuhada'* dan ia merupakan penghargaan yang sangat tinggi dijanjikan oleh Allah SWT serta dijanjikan bermacam keistimewaan sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Miqdam bin Ma'di Karib:

“Bagi orang yang mati syahid ada enam keistimewaan iaitu: 1) Diampuni dosanya sejak mulai pertama darahnya meluncur keluar, 2) melihat tempatnya di dalam syurga, 3) dilindungi dari azab kubur, 4) terjamin keamanannya dari malapetaka besar merasakan kemanisan iman, 5) dikahwinkan dengan bidadari, 6) diperkenankan memberikan syafa'at bagi 70 orang kerabatnya”. **(Sunan al-Tirmidzi)**

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

1 Mac 2023 ini, genaplah 90 tahun usia Tentera Darat Malaysia, dalam menabur bakti di bumi tercinta ini. 90 tahun itu merupakan suatu tempoh yang sangat panjang dan pastinya sepanjang tempoh itu pelbagai peristiwa suka dan duka telah dilalui sejak zaman penjajahan kuasa asing, konfrantasi, hinggalah tragedi pencerobohan di Lahad Datu.

Semua peristiwa ini tercatat dalam lembar sejarah yang ditulis dengan darah keberanian dan pengorbanan para tentera di negara ini. Ia tidak lain memastikan kedaulatan negara terpelihara dan legasi keamanan dan ketenteraman di negara ini dapat dikekalkan dan diperturunkan kepada generasi hari ini.

Peringatan ini bukanlah suatu perayaan sebaliknya ia bertujuan sebagai peringatan kepada kita bahawa keamanan yang dikecapi pada hari ini bukannya diperoleh secara tiba-tiba, tetapi ia merupakan hasil pengorbanan, deraian keringat, curahan tenaga dan titisan darah para serdadu¹ negara. Atas dasar iman, ikhlas dan iltizam para perajurit ini, serta sokongan, bantuan dan doa dari seluruh rakyat juga, maka kita dapat menikmati keamanan dan ketenteraman.

Maka, pentingnya para tentera memantapkan keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT dan menyusun organisasi ini secara sistematik dan teratur dalam memastikan perjuangan mereka sentiasa mendapat pertolongan dan keberkatan dari Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَانَتْهُمْ بُنْيَانٌ مَّرْصُوصٌ ۚ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tanggungjawab memelihara keamanan, keutuhan dan kedaulatan negara memerlukan komitmen seluruh lapisan masyarakat dan bukannya bergantung kepada para tentera semata-mata. Memang, secara logikal, tugas ini tugas pasukan keselamatan namun rakyat awam juga perlu memupuk semangat patriotisme dan kecintaan terhadap negara serta berazam tinggi mempertahankan negara dalam apa jua keadaan dan dalam apa juga peranan masing-masing. Inilah yang disebut sebagai konsep pertahanan yang menyeluruh. Ia berkait dengan usaha yang total dan bersepadu dan dilaksanakan oleh semua pihak.

¹ anggota tentera, askar, perajurit (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan beberapa intipati;

Pertama: Pembinaan dan pembangunan institusi ketenteraan dalam Islam bertujuan memenuhi keperluan kepada negara dan selaras dengan perintah Allah SWT yang memerintahkan persediaan menghadapi sebarang musuh.

Kedua: Islam memandang tinggi profesion ketenteraan bahkan meletakkan penghormatan yang sangat tinggi kepada mereka. Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh kepimpinan yang terbaik dalam mengurus hal ketenteraan.

Ketiga: Tanggungjawab memelihara keamanan, keutuhan dan kedaulatan negara memerlukan komitmen seluruh lapisan masyarakat dan bukannya bergantung kepada para tentera semata-mata.

Firman Allah SWT:

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ١٦٠

Maksudnya: “Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika Dia mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri”. (Surah ali Imran ayat 160)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.